

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2015/2016

Disember 2015/Januari 2016

**HMT 501 – FONETIK DAN FONOLOGI  
BAHASA MELAYU LANJUTAN**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN:**

1. Kertas soalan ini mengandungi DUA bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab EMPAT soalan. Jawab SEMUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A: Jawab SEMUA soalan dalam bahagian ini.

1. Dengan menyertakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan maksud pendekatan atur rumus  $A \rightarrow B / C \text{ \_\_\_\_ } D$ , berdasarkan proses-proses fonologi yang berikut:

[a] Proses Penyisipan.

[b] Proses Pengguguran.

[25 markah]

2. Huraikan fungsi organ-organ pertuturan yang berikut:

[a] Pita suara

[b] Rongga nasal

[c] Lidah

[d] Bibir

[e] Lelangit lembut


Huraian anda hendaklah disertakan dengan contoh-contoh fonem dan gambar rajah yang sesuai.

[25 markah]

Bahagian B: Jawab mana-mana DUA soalan.

3. Berdasarkan rumus dalam Rajah 1, bincangkan proses asimilasi nasal homorgan bahasa Melayu yang berlaku di sempadan imbuhan awalan. Perbincangan anda hendaklah disertakan dengan contoh-contoh yang sesuai.

Rajah 1: Asimilasi Nasal Homorgan bahasa Melayu.



[25 markah]

4. Jawab [a] dan [b].

[a] Jelaskan secara ringkas maksud proses-proses fonologi yang berikut:

- [i] Penasalan vokal
- [ii] Pengglotisan /k/

[10 markah]

- [b] Berdasarkan hukum-hukum fonologi bahasa Melayu, transkripsikan teks lagu Joget Melayu dalam **DATA 2** secara transkripsi sempit.

[15 markah]

**DATA 2**

**Nyanyian: P. Ramlee & Saloma**

***Joget Malaysia***

Datuk Panglima pergi membajak  
Ke tanah rata senja pulangnya  
Kalau Saloma orang yang bijak  
Negeri kita apa namanya

Ikanlah keli di dalam perahu  
Oranglah buta tangkap buaya  
Kalau Cik Ramlee ingin nak tahu  
Negara kita nama Malaysia

Ramalah rama di pohon duri  
Mati ditimpa si buah nangka  
Kalau Saloma orang bistari  
Bulan berapa Malaysia merdeka

Anak Benggali ke kebun nyonya  
Petiklah gambus anak Melaka  
Wahai Cik Ramlee ini jawabnya  
Tiga puluh satu Ogos Merdeka

Ke pasar lama membeli serai  
Singgah bertanya Datuk Menteri  
Kalau Saloma orang yang pandai  
Di mana letak ibu negeri

Anaklah Bilal dari Mentakab  
Pergi ke Johor buat kenduri  
Cik Ramlee soal mudah dijawab  
Kuala Lumpur ibu negeri

5. Bincangkan secara kritis perihal berikut dengan menyertakan contoh-contoh yang sesuai:
- [a] Sonoran
  - [b] Konsonantal
  - [c] Kontinuen
  - [d] Nada
  - [e] Frekuensi

[25 markah]